

20 SEP 2002

Belanjawan-Reaksi (Cuepacs)/I

CUEPACS SAMBUT BAIK PEMBERIAN BONUS SEBULAN GAJI

KUALA LUMPUR, 20 Sept (Bernama) -- Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) hari ini menyambut baik langkah kerajaan memberi bonus sebulan gaji kepada kakitangan awam yang merupakan kadar bonus paling tinggi yang dibayar kepada mereka sejak enam tahun lalu.

Bercakap mewakili hampir setengah juta kakitangan awam yang bernaung di bawah kongres itu, Presiden Cuepacs Datuk N. Siva Subramaniam hari ini mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana mengumumkan habuan yang memang sudah lama ditunggu-tunggu oleh kakitangan awam.

"Kami mengalu-alukan pembayaran bonus yang tertinggi dalam tempoh enam tahun itu. Ini menunjukkan komitmen kerajaan kepada kakitangan awam. Ia juga menunjukkan kerajaan bertimbang rasa terhadap nasib kakitangan awam di negara ini," katanya ketika dihubungi Bernama di sini.

Dalam ucapan Belanjawan di Parlimen hari ini, Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan mengumumkan bahawa kakitangan awam akan dibayar bonus sebulan gaji atau jumlah minimum RM1,200.

Siva Subramaniam berkata kakitangan awam dalam kumpulan berpendapatan rendah berpeluang memperoleh bonus "dua bulan" gaji memandangkan gaji kebanyakan mereka jarang mencecah RM1,200 sebulan.

"Ada kira-kira 500,000 kakitangan awam dalam kategori ini dan bagi mereka, ia merupakan bonus dua bulan gaji kerana gaji mereka adalah sekitar RM700...ini bagus, kerajaan prihatin terhadap nasib kumpulan berpendapatan rendah," katanya.

Beliau melahirkan harapan agar kakitangan awam yang tergolong dalam kumpulan ini akan bekerja keras dan membalas budi baik kerajaan dengan meningkatkan produktiviti.

Siva Subramaniam juga melahirkan perasaan lega kerana Belanjawan kali ini tidak mengenakan sebarang cukai baru atau menaikkan kadar cukai sedia ada yang boleh membebankan rakyat.

"Kita patut menghargai perkara ini...dengan tiadanya cukai baru dan tiada kenaikan bagi cukai sedia ada, rakyat tidak menerima beban," katanya.

Pada keseluruhannya, kata beliau, belanjawan kali ini menjadi pemangkin bagi pertumbuhan ekonomi dalam usaha menjadikan Malaysia pusat pertumbuhan di rantau ini.

"Ia merupakan belanjawan yang konkrit bagi merangsang ekonomi ke arah mencapai kejayaan baru, belanjawan ini juga mempersiapkan ekonomi kita untuk menghadapi cabaran masa depan dalam usaha menjadikan Malaysia pusat pertumbuhan di rantau ini," katanya.

-- BERNAMA

SR AHH SP RON